



Panduan Menggunakan Google Workspace for Education untuk Penjaga

Sekolah anak anda menggunakan alatan kerjasama yang produktif daripada Google Workspace for Education. Alatan ini membantu memperkuuh pembelajaran anak anda dan hubungan antara anak anda, sekolah mereka serta anda – semuanya dalam sebuah persekitaran pembelajaran digital yang selamat. Gunakan panduan ini untuk mengetahui tentang setiap alat penting dan cara anda boleh lebih terlibat dalam pendidikan anak anda untuk membantu anak anda mencapai kejayaan.

Ketahui tentang Google Workspace for Education

Hari ini, Google Workspace for Education digunakan oleh lebih 170 juta pelajar dan pendidik di seluruh dunia. Alatannya membantu pendidik mengurus kelas, menggalakkan pelajar untuk sentiasa terlibat dan menyelesaikan tugasan kelas mereka serta memupuk komunikasi dan kerjasama di seluruh komuniti sekolah. Google Workspace for Education juga mempunyai ciri kebolehaksesan terbina dalam untuk menyokong pelajar dengan gaya atau keperluan pembelajaran khusus mereka, yang membantu menghasilkan bilik darjah yang lebih inklusif.

Bagaimakah anak anda menggunakan Google Workspace for Education di sekolah?

Sekolah menyediakan Akaun Google yang diurus sekolah kepada setiap pelajar dan guru untuk digunakan bagi tujuan pendidikan serta boleh menambahkan perkhidmatan tambahanmelebihi tawaran Google Workspace for Education. Berikut ialah beberapa alatan Google Workspace yang paling biasa yang digunakan di dalam bilik darjah dan cara anak anda menggunakan alatan itu.



Alatan kerjasama dan pembelajaran yang digunakan oleh anak anda

Bilik Darjah	Dengan Bilik Darjah, anak anda boleh menemukan semua tugasan mereka, berkomunikasi dengan guru mereka dan mendapatkan maklum balas serta gred. Sebagai ahli keluarga, anda boleh memilih untuk menerima <u>ringkasan e-mel</u> agar anda dapat mengikuti perkembangan kemajuan anak anda.
Borang	Dengan ciri dibina untuk pendidikan, guru boleh membuat kuiz dalam Borang agar anak anda boleh menunjukkan pengetahuan mereka. Mudah sahaja untuk membuat kuiz dalam Borang, dengan pelbagai jenis soalan dan antara muka seret dan lepas. Guru menggunakan Borang untuk menjalankan aktiviti dalam kelas interaktif dalam masa nyata, mengumpul maklumat untuk lawatan sambil belajar dan jamuan juadah bawaan atau mengumpul soalan untuk dijawab semasa persidangan ibu bapa dan guru.
Dokumen, Helaian dan Slaid	Anak anda boleh membuat dokumen, hamparan dan pembentangan – serta bekerjasama dengan rakan dan guru mereka dalam masa nyata. Mereka boleh berkongsi kerja mereka, mendapatkan maklum balas dan membuat edit dengan segera.
Drive	Drive ialah beg galas maya anak anda, tempat mereka boleh menyimpan dan mengatur tugasan, dokumen atau kurikulum kelas dengan selamat serta mengakses semuanya daripada mana-mana peranti. Ini bermakna bahawa semua maklumat penting anak anda dan tugasan pelajar disimpan secara automatik serta tidak akan hilang. Anda juga boleh duduk dengan anak anda dan menyemak semua tugasan sekolah mereka yang disimpan dalam Drive.
Ciri kebolehaksesan	Ciri kebolehaksesan dibina dalam Google Workspace for Education dan membantu anak anda belajar dalam cara yang berkesan untuk mereka. Mereka boleh menggunakan penaip suara atau pembaca skrin, menyambungkan paparan Braille atau menggunakan sari kata dalam Google Meet atau Slaid untuk sokongan tambahan.



Ketahui lebih lanjut tentang komitmen Google for Education kepada privasi dan keselamatan.

Google Workspace for Education



Alatan komunikasi yang digunakan oleh anak anda

Google Meet

Apabila persidangan ibu bapa/penjaga secara bersemuka tidak dapat dilakukan, guru anak anda boleh menggunakan Google Meet untuk menyediakan persidangan maya. Google Meet juga merupakan penyelesaian yang hebat untuk [pembelajaran jarak jauh](#), tempat pendidik boleh mengadakan kelas dan berkomunikasi dengan kelas anak anda apabila mereka tidak dapat berada bersama pelajar secara fizikal. Google Meet juga mempunyai kawalan pendidik, termasuk keupayaan untuk meredam dan mengeluarkan peserta, untuk membantu mengurus kelas.

Kalendar

Setiap kelas dalam Bilik Darjah mempunyai kalendarnya sendiri, yang membantu anak anda mengetahui apabila mereka mempunyai acara atau tugas akan datang. Guru juga boleh menggunakan Kalendar untuk membuat [slot janji temu](#) untuk berjumpa pelajar atau mengadakan persidangan ibu bapa-guru.

Bagaimakah data anak anda disimpan dengan selamat?

Google komited untuk membina produk yang membantu melindungi privasi pelajar dan guru serta menyediakan keselamatan yang terbaik dalam kelasnya untuk sekolah kita. Jika anak anda menggunakan Bilik Darjah dan Google Workspace for Education, Google tidak memiliki mana-mana data pelajar, pelajar tidak tertakluk kepada iklan dan kami menyokong standard pematuhan seperti FERPA,¹ COPPA,² dan GDPR.³



Ketahui lebih lanjut tentang komitmen Google for Education kepada privasi dan keselamatan di google.com/edu/privacy.

Ingin tahu lebih lagi? Berikut ialah beberapa pemula perbualan:


Apakah beberapa projek kumpulan terbaru anda?
Bagaimakah anda bekerjasama?

Di manakah anda melihat tugas anda?

Apakah projek kumpulan kegemaran anda? Apakah topik itu dan apakah yang anda pelajari?

Bagaimakah cara untuk mengakses tugas kelas anda di rumah?

Bagaimakah Bilik Darjah membantu anda mengurus kerja sekolah anda?



→ Untuk mengetahui lebih lanjut, lihat [latihan Pusat Guru](#) dan [Pusat Bantuan](#) kami, tonton [tutorial](#) atau lawati [laman web](#) kami.

Anda juga boleh mengetahui cara Google memperkasakan keluarga dengan [Teach from Anywhere](#).

¹ Akta Hak dan Privasi Pendidikan Keluarga.

² Akta Perlindungan Privasi Kanak-kanak Dalam Talian 1998.

³ Peraturan Perlindungan Data Umum.